

IKLAN JAWATAN KOSONG



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan **Jawatan Staf Akademik (tetap)** di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu**.

JAWATAN AKADEMIK

Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL					
1.	PROFESOR	VK7	Pensyarah UiTM	RM7,676.00	RM20,592.00
2.	PROFESOR MADYA	DM53	Pensyarah UiTM	RM6,162.00	RM13,235.00
3.	PENSYARAH KANAN	DM51	Pensyarah UiTM	RM5,855.00	RM12,445.00
4.	PENSYARAH	DM45	Pensyarah UiTM	RM3,070.00	RM11,095.00

BIL	KOLEJ PENGAJIAN/ FAKULTI/ AKADEMI	BIL	BIDANG
1.	Akademi Pengajian Bahasa	1.	Bahasa Arab
		2.	Bahasa Ketiga (Perancis)
		3.	Bahasa Inggeris
2.	Akademi Pengajian Islam Kontemporari	4.	Tamadun dan Pemikiran Islam
3.	Fakulti Pengurusan dan Perniagaan	5.	Pemasaran
4.	Kolej Pengajian Kejuruteraan (Pengajian Kejuruteraan Mekanikal)	6.	Dinamik dan Kejuruteraan Kawalan
5.	Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (Pengajian Sains Pengkomputeran)	7.	Sains Komputer

SYARAT - SYARAT KELAYAKAN

PENSYARAH UITM

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM45

- (a) (i) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi – Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM45 : RM3,070.00); atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia; atau

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM45 : RM3,070.00); atau
- (iii) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM45 : RM3,380.37).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM51

- (b) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan (a);
- dan (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang – bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM51 : RM5,855.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM53 (PROFESOR MADYA)

- (c) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan (a);
- dan (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang – bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM53 : RM6,162.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)

- (d) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan (a);
dan (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
(iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang – bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C : RM7,676.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujiaan (**Minimum Gred C**) dalam **subjek Bahasa Melayu** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- a) **Pemohon berkelayakan Ijazah Sarjana (Master) hendaklah mencapai keputusan minima CGPA 3.00 termasuk keputusan di peringkat Ijazah Sarjana Muda (Degree).**
- b) **Keutamaan adalah kepada calon yang mempunyai kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)**
- c) Borang/ dokumen yang **tidak lengkap, tidak jelas dan kabur tidak akan diproses.**
- d) Pemohon yang menuntut di Tahun Akhir Universiti Awam/ Swasta adalah **tidak dibenarkan** membuat permohonan kecuali telah mendapat pengesahan/ diperakukan oleh SENAT UNIVERSITI.
- e) Setiap permohonan **MESTILAH** disertai dengan salinan dokumen berikut :
- **Kad Pengenalan**
 - **Sijil Berhenti Sekolah**
 - **Sijil SPM/SVM atau setaraf**
 - **STPM/STAM/Diploma (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)**
 - **Ijazah Sarjana Muda (Degree), Ijazah Sarjana (Master), Ijazah Kedoktoran (Ph.D) (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)**
 - **Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik (MQA)**
 - **Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/ terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja bagi penetapan gaji (majikan swasta sahaja)**
 - **Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/ Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat)**
- f) Pemohon yang **sedang berkhidmat dengan Kerajaan dan Badan Berkanun** mestilah **melalui Ketua Jabatan** dan hendaklah disertakan dengan **salinan rekod perkhidmatan yang dikemaskini.**
- h) Hanya pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk ke sesi temu duga.
- i) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
- j) Pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu.

CARA PERMOHONAN

Fahami iklan dan permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Permohonan Perjawatan Universiti Teknologi MARA** (BORANG PERJAWATAN UiTM 76/13 (III) Pindaan 8/2007) boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Terengganu

<https://terengganu.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder/?view=page&id=498>

Sila muatnaik borang permohonan dan salinan semua dokumen berkaitan (PDF sahaja) ke pautan berikut:

<https://forms.gle/NzRBxLpeWzD9GmH89>

Tarikh tutup permohonan adalah pada **19 Mei 2024 (Ahad)**

Nota penting: Permohonan secara atas talian sahaja.

Sebarang pertanyaan berkaitan iklan boleh hubungi:

Bil	Kategori Permohonan	No. Telefon
1.	Jawatan Staf Akademik (Pensyarah)	09-8400 113

Bil. Rujukan : 500-UiTMKD(PT.19/2)
Bil. Iklan : 1/2024
Tarikh : 5 Mei 2024